

# MEASAT jadi pusat komunikasi serantau

KUALA LUMPUR 17 Mei — Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) yang akan dilancarkan tahun depan bukan sahaja menjadi sebahagian daripada keperluan telekomunikasi dan penyiaran Malaysia bahkan sebagai pusat komunikasi serantau yang berpangkalan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dengan adanya satelit MEASAT itu hubungan komunikasi di seluruh Malaysia tidak akan terbatas termasuk hubungan dengan kawasan-kawasan pedalaman.

“Malah ia menjangkau ke kawasan-kawasan luar dari Malaysia yang dapat diliputi oleh satelit MEASAT,” katanya ketika menyaksikan majlis menandatangani penganugerahan kontrak MEASAT-1 dan peralatan kawalan satelit, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, langkah itu akan merapatkan lagi hubungan negara ini dengan negara-negara jiran di samping meningkatkan hubungan dengan India dan negara-negara lain di Asia.

Kata beliau, sebagai satu sistem satelit serantau, MEASAT akan memainkan peranan utama dalam sumbangan Malaysia terhadap pembangunan komunikasi di Asia.

“Ini telah diakui semasa mesyuarat-mesyuarat koordinasi yang diadakan bersama negara-negara berkenaan sepanjang 18 bulan lalu,” katanya.

Untuk pelancaran satelit kedua dalam satelit MEASAT ini dalam tahun 1996, kata Perdana Menteri, Malaysia mengalu-alukan penyertaan pihak-pihak serantau yang lain.